



KEW.PA-27

No. Sebutharga : **FAMA/PELUPUSAN 17/2022**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
No. 2442 Tingkat Perusahaan Satu,
Kawasan Perindustrian Perai,
13600 Perai, Pulau Pinang.

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat** atau **orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS KENDERAAN (Berat & Muatan - BDM/KG)	LOKASI	TAHUN BELI	NILAI RIZAB (RM)
1	WRF 1771	PROTON WAJA 1.6 AUTOMATIK	MOTORKAR	PULAU PINANG	2008	2,000.00
2	WRF 3773	PROTON WAJA 1.6 AUTOMATIK	MOTORKAR	PULAU PINANG	2008	2,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **29 September 2022 (Khamis) hingga 13 Oktober 2022 (Khamis)** hari bekerja di antara jam **8.30 pagi hingga 4.30 petang** di lokasi yang berkaitan.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (**KEW.PA 28**) yang boleh didapati secara percuma pada waktu pejabat di **Pejabat FAMA Negeri Pulau Pinang, No. 2442 Tingkat Perusahaan Satu, Kawasan Perindustrian Perai, 13600 Perai, Pulau Pinang** dan laman web **FAMA** di alamat <http://www.fama.gov.my> .Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari. Butir-butir lanjut boleh didapati melalui No. Telefon **04-3907886/04-3992163** sambungan **Unit Pentadbiran** dan **Unit Pengurusan Kenderaan (UPK)**
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri (gam) dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 17/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Unit Pentadbiran FAMA Pulau Pinang,
No. 2442 Tingkat Perusahaan Satu,
Kawasan Perindustrian Perai,
13600 Perai, Pulau Pinang.

5. **Tarikh tutup** sebutharga pada **13hb Oktober 2022** jam 12.00
tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZRAIE BIN RAMLI)

Pengarah FAMA Negeri Pulau Pinang

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga rizab.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam draf bank sahaja atas nama **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.**
3. Wang Proses sebanyak **RM50.00** adalah diwajibkan dan tidak akan dikembalikan.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah menyelesaikan proses tukar hak milik dan mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.

10. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan.
11. Lembaga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi ataupun sebarang tawaran sebhutharga.
12. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat **berlakri (gam)** dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 17/2022** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
13. Urus Setia Pelupusan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebhutharga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.



KEW. PA-28

BORANG SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Nama Individu/Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat:

Kepada:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

No. 2442 Tingkat Perusahaan Satu,

Kawasan Perindustrian Perai,

13600 Perai, Pulau Pinang.

Tuan,

Tawaran Untuk Sebutharga FAMA/PELUPUSAN 17/2022

Merujuk kepada perkara di atas, saya/syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut.

2. Tawaran saya/syarikat adalah seperti berikut:

BIL.	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS KENDERAAN (BDM/KG)	LOKASI	HARGA RIZAB (RM)	HARGA TAWARAN (RM)	DEPOSIT (RM)
1	WRF 1771	PROTON WAJA 1.6 AUTOMATIK	MOTORKAR	PULAU PINANG	2,000.00		
2	WRF 3773	PROTON WAJA 1.6 AUTOMATIK	MOTORKAR	PULAU PINANG	2,000.00		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia _____) dan wang proses sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) dalam bentuk kiriman draf bank no. _____ atas nama **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan**.

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan _____

Nama/Cop Syarikat _____

No. Telefon _____

E-Mel _____

Nama Bank _____

No. Akaun _____

Alamat _____

Tarikh _____